



KEMENTERIAN PELANCONGAN,
SENI DAN BUDAYA
JABATAN KEBUDAYAAN
DAN KESENIAN NEGARA

NOTA KEPADA PENGARANG

TEMASYA BUDAYA TERENGGANU SEMARAKAN TAHUN MELAWAT MALAYSIA 2026

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menerusi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dengan kerjasama Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) akan menganjurkan program **Temasya Budaya Terengganu 2026 yang berlangsung pada 5 - 7 Jun 2026 bertempat di Dataran Shahbandar, Kuala Terengganu, Terengganu.**

Sempena Tahun Melawat Malaysia 2026, Temasya Budaya Terengganu kali ini menampilkan pelbagai acara seni dan budaya yang ada di Negeri Terengganu untuk dinikmati oleh masyarakat tempatan dan para pelancong.

Antara aktiviti menarik dan tarikan pesta kali ini termasuklah Pertandingan Belalang "Kerek", Pertandingan Memancing Berbusana Tradisional, Kejohanan Gasing Pangkah, Sukan Rakyat, Demonstrasi Makanan Tradisional, Pertunjukan Wau Bercahaya, Jualan Rahmah Madani, *Fun Run*, Tazkirah Burung Hantu dan banyak lagi aktiviti yang telah disediakan..

Selain dari itu, Temasya Budaya Terengganu 2026 kali ini bakal menjanjikan pengalaman luar biasa kepada pengunjung yang berpeluang menyaksikan **Tarian Ulek Mayang versi Patuh Syariah** yang merupakan pementasan julung kali yang menampilkan kelainan menerusi sokongan visual serta kesan pencahayaan artistik yang melibatkan gabungan lebih 50 penggiat seni.

Sehubungan itu, JKKN berbesar hati ingin mengundang rakan-rakan media untuk menghadiri dan membuat liputan sepanjang penganjuran Temasya Budaya Terengganu dan Majlis Persamian Temasya Budaya Terengganu 2026 seperti ketetapan berikut :

Temasya Budaya Terengganu 2026

Tarikh : 5 - 7 Jumaat 2026 (Jumaat – Ahad)
Masa : 9.00 pagi – 11.00 malam
Lokasi : Dataran Shahbandar, Kuala Terengganu, Terengganu

Majlis Perasmian Temasya Budaya Terengganu 2026

Tarikh : 5 Jun 2026 (Jumaat)
Masa : 8.00 Malam
Lokasi : Dataran Shahbandar, Kuala Terengganu, Terengganu

Bersama ini disertakan poster untuk makluman dan rujukan tuan/puan jua. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai perkara ini boleh berhubung terus dengan pihak urus setia seperti berikut:-

Nama : Muhammad Zahiruddin bin Dzolkipli
E-mel : zahiruddin@jkkn.gov.my
No. Tel : 017-300 4801

Nama : Nurfatin Fatini bin Norazlan
E-mel : nurfatin@jkkn.gov.my
No. Tel : 017-869 8807

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

Naurah

.....
(NAURAH DARIA BINTI JANIUR)

Pengarah,
Unit Komunikasi Korporat,
Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya



JKKN
 JABATAN KEBUDAYAAN
 & KESENIAN NEGARA
 جابتن کبودایان دان کسینن نگارا

PELANCONGAN BUDAYA

#SOHORSOKMOWEH!



**5-7
 JUN
 2026**

**DATARAN
 SHAHBANDAR,
 KUALA TERENGGANU**

9 PAGI – 11 MALAM



www.jkkn.gov.my



ATUR CARA MAJLIS PERASMIAN TEMASYA BUDAYA TERENGGANU 2026

MASA	AKTIVITI
8.00 – 8.30 malam	Ketibaan para jemputan dan tetamu kehormat
8.50 malam	<p style="text-align: center;">Ketibaan bersama:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Ybhg. Dato' Shahrudin bin Abu Sohot Ketua Setiausaha, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya - YAB Datuk Razali bin Idris Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Negeri Terengganu
	Ketibaan tetamu kehormat disambut dengan iringan muzik Irama Ketukan Warisan: Tumbuk Emping, Batu Giling, Kisaran Kapitan Santan, Lesung Kaki, Lesung Kayu Lesung Batu dan Lesung Galan bersama Kumpulan Hulubalang, Gayong Ota-Ota Pembawa Bunga Emas dan Sirih Junjung
	Lawatan ke gerai pameran dan jualan
	Nyanyian lagu Negaraku dan Lagu Terengganu Maju, Berkat, Sejahtera
	Persembahan Pembukaan oleh Silat Sambut, Tarian Gamelan Timang Burung & Gayong Ota-ota diiringi muzik Orkestra Gamelan Melayu
9.20 malam	Ucapan Alu-aluan oleh YBhg. Dato' Shahrudin bin Abu Sohot, Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya
9.25 malam	Ucapan Perasmian oleh YB Datuk Razali bin Idris Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim Negeri Terengganu
9.35 malam	Gimik Perasmian Temasya Budaya Terengganu (TBT 2026)
9.40 malam	Persembahan Gala Perasmian TBT 2026 dimulakan
10.35 malam	Tetamu kehormat meninggalkan majlis
11.00 malam	Majlis bersurai